

# Permit: Dr. M beramaran



DR. MAHATHIR

## B-PUTERA DIGESA JANGAN LAGI PERNIAGAKAN

**TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Muhamad hari ini memberi amaran kepada Bumiputera yang mendapat import permit (AP) supaya jangan lagi memperniagakannya.**

Katanya, Kerajaan sedar "perniagaan import permit" sedang berlaku dan beliau tidak ingin melihat perkara itu berlanjutan.

"Saya tidak akan layan permintaan "AP" selagi tidak ada bukti yang pemohon itu benar-benar ingin menjalankan perniagaan," katanya ketika merasmikan mesyuarat agung ke-6 Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia, Cawangan Kedah di Balak Besar di sini.

Menurut beliau, oleh kerana

### ALOR SETAR, Khamis

peluang-peluang untuk Bumiputera menjadi agen (pengedar) agak tipu, maka Kerajaan mengadakan import permit untuk membolehkan Bumiputera mengimport terus untuk didedarkan.

"Malangnya wujud pula perniagaan import permit di kalangan Bumiputera dan mereka tidak menggunakan permit itu dengan ikhlas dan untuk tujuan berniaga," katanya.

### Mesti dihentikan

Beliau memberi amaran bahawa perbuatan seumpama itu mestilah dihentikan dan beliau tidak akan melayani sebarang permohonan yang tidak ikhlas dan tidak bertujuan untuk berniaga.

Menyentuh tentang pelaburan asing, Timbalan Perdana Menteri berkata, Kerajaan sedang berusaha membawa masuk lebih banyak lagi pelaburan asing ke negara ini.

Hagaimanapun, menurut beliau, kebanyakan dari mereka itu tidak begitu tertarik untuk mengadakan usahanya dengan Bumiputera dan beliau menggesa para penguasa dan peniaga Bumiputera supaya menggalas "perkaa tersebut".

Katanya, Bumiputera perlu mencari jalan membentuk keadaan tersebut dan mencari kesalahan diri mereka sendiri sebelum membuktikan kesalahan orang lain.

Datuk Seri Dr. Mahathir sekali lagi membandingkan setengah dari pemberita luar negeri yang cuba memburuk-burukkan suasana dan keadaan di negara ini untuk menghalang pelaburan asing masuk ke Malaysia.

Pemberita-pemberita luar negeri itu telah mendapat bahan daripada segelintir orang yang memberitahu mereka mengenai keadaan ekonomi di Malaysia tidak ada keadilan dalam pembangunan ekonomi.

### Kaya raya

Katanya, segelintir orang yang memberitahu demikian kepada pemberita luar negeri terdiri dari golongan yang kaya raya, yang tidak mendapat nikmat dan faedah daripada peluang-peluang ekonomi di Malaysia.

Beliau berkata, Kerajaan tidak memerlukan nasihat dari orang-orang asing untuk menentukan sesuatu dasar negara dan tidak juga perlu tugas pemberita luar negeri untuk memberitahu para pelabur tentang suasana di Malaysia.

"Kita sendiri dapat memberi gambaran yang sebenar tentang suasana pelaburan di Malaysia dan tidak perlu orang-orang asing membantui kita. Apa yang mereka sedang lakukan ialah semata-mata untuk memburuk-burukkan keadaan di negara ini," katanya.

Mereka telah menyalahkan Dasar Ekonomi Baru dan menuduhnya sebagai penghalang kemajuan ekonomi di Malaysia.

Mengenai perpaduan kaum di negara ini, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata ia jauh lebih baik dari di negara-negara lain.

Katanya, anggubung penjajah telah meningalkan satu keadaan di mana perpisahan kaum tidak dapat dielakkan, namun tidak ada permusuhan ketat antara kaum berlaku melainkan dalam tahun 1969.

Menurut beliau, perhubungan kaum dapat dipraktikkan lagi menerusi bidang perniagaan di mana kerjasama dan semangat bantu-membantu dapat memainkan peranan penting.

Turun hadir di majlis tersebut ialah wakil Menteri Besar, Haji Mohamed Mustaffa bin Haji Othman dan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Syed Ahmad Shahabuddin. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. 141 / 1403  
No. Per. 1074/180